

BIL	NO. DAFTAR KES	KESALAHAN	CATATAN
3	TA-87-800-07/2023 DAF 3 (P)_2023 JPBA 163514 TPR 3975/23	Perenggan 46 (1) (g) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974	KEPUTUSAN KES : DNAA
4	TA-87-801-07/2023 DAF 4 (P)_2023 JPBA 163222 TPR 3976/23	Perenggan 46 (1) (g) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974	KEPUTUSAN KES : RM 300, jika gagal 5 hari penjara.
5	TA-87-802-07/2023 DAF 5 (P)_2023 JPBA 163461 TPR 3977/23	Perenggan 46 (1) (g) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974	KEPUTUSAN KES : DNAA
6	TA-87-803-07/2023 DAF 6 (P)_2023 JPBA 163466 TPR 3974/23	Perenggan 46 (1) (g) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974	KEPUTUSAN KES : RM 300, jika gagal 5 hari penjara.

Bagi memastikan pengetahuan pegawai mengenai penguatkuasaan undang-undang dan penyediaan proses kerja penyiasatan berada di tahap optimum dan cekap, bengkel berkaitan untuk pendedahan telah diberikan, iaitu :

BIL	TAJUK	TARIKH & TEMPAT
1	Bengkel litigasi dan pendakwaan berkesan anjuran kelab kebajikan Pejabat Undang-Undang Negeri Terengganu.	Tarikh : 24-25 Oktober 2023 Tempat : Dewan Tingkat 18, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

iii) Khidmat Nasihat;

Sebagai Jabatan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perundangan Majlis, Jabatan ini secara langsung terlibat dalam memberi nasihat perundungan kepada jabatan-jabatan dalaman di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan menjadi ahli jawatankuasa bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa berikut :

NAMA JAWATANKUASA

- Mesyuarat Majlis
- Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Notis
- Jawatankuasa Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang
 - Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan
 - Jawatankuasa Kebersihan dan Keindahan Lalu lintas
 - Jawatankuasa Pengurusan Caj Pemajuan

iv) Pengurusan Sivil;

Jabatan ini bertanggungjawab dalam memastikan segala tuntutan yang dibawa oleh dan terhadap Majlis dikendalikan dengan penuh kerajinan, ketekunan, ketelitian dan efisien mengikut undang-undang dan demi keadilan serta menjaga kepentingan Majlis. Berikut adalah kes-kes yang telah didaftarkan di Mahkamah

BIL	KES	FAKTA KES
1	<p>Teoh Loh Realty Sdn. Bhd. Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu Guaman Sivil No:- TA-21NCVC-2-03/2022</p> <p>Dan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu (Plaintif) 2. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (Defendant) 3. Kerajaan Negeri Terengganu 	<p>Tuntutan daripada plaintif terhadap pencerobohan ke atas sebahagian tanah kepunyaan beliau yang telah dijadikan jalan untuk laluan awam dan dijadikan akses kepada 11 unit rumah-rumah kediaman.</p> <p>Writ saman telah difailkan oleh plaintif pada 8.3.2022 dan kes masih berjalan di Mahkamah.</p>
2	<p>Dalam Mahkamah Majistret Di Kuala Terengganu Writ Saman No: TA-A51-1-06/2023</p> <p>Roslina Binti Mohamed: Plaintiff -Lwn- Majlis Bandaraya Kuala Terengganu & 1 Lagi (Defendant)</p>	<p>Defendant telah membuat tuntutan ganirugi terhadap Majlis apabila dahan pokok rhu tiba-tiba jatuh dan menimpa belakang badan Plaintiff di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu pada 28hb Oktober 2021.</p> <p>Writ saman telah difailkan oleh plaintif pada 18.6.2022 dan kes masih berjalan di Mahkamah.</p>

BIL	KES	FAKTA KES
3	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu -Lwn- AYT Metal Sdn. Bhd. 199501031187 (360393-U)	Tindakan undang-undang diambil terhadap Syarikat AYT Metal Sdn. Bhd. iaitu bekas pemajak bahan kitar semula di tapak pelupusan Sungai Ikan, Kuala Nerus yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan selepas penamatan dibuat oleh Majlis dengan tunggakan sewaan berjumlah RM36,045.00. Kes dalam tindakan Peguam Majlis
4	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu -Lwn- Mercu Resolution Sdn. Bhd.	Tindakan undang-undang diambil terhadap Syarikat Mercu Resolution Sdn. Bhd. iaitu bekas pemajak bahan kitar semula di tapak pelupusan Sungai Ikan, Kuala Nerus yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan selepas penamatan dibuat oleh Majlis dengan tunggakan sewaan berjumlah RM130,000.00. Masih dalam penyediaan dokumentasi.
5	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu -Lwn- Syarikat Mensilin Green Energy	Tindakan undang-undang diambil terhadap Syarikat Mensilin Green Energy iaitu bekas pemajak bahan kitar semula di tapak pelupusan Sungai Ikan, Kuala Nerus yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan selepas penamatan dibuat oleh Majlis dengan tunggakan sewaan berjumlah RM222,000.00. Kes dalam tindakan Peguam Majlis

BIL	KES	FAKTA KES
6	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu -Lwn- Mohd Khairul bin Salleh	Tindakan undang-undang diambil terhadap bekas penyewa tapak di atas Lot 2275, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan selepas penamatan dibuat oleh Majlis dengan tunggakan sewaan berjumlah RM59,000.00. Kes dalam tindakan Peguam Majlis

v) Jabatan ini juga bertanggungjawab menyediakan dokumen kontrak dan perjanjian bagi memastikan kepentingan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu terjamin dan diutamakan. Berikut adalah jenis dan jumlah perjanjian yang disediakan di Jabatan Undang-Undang;

BIL	JENIS PERJANJIAN	BILANGAN
1	PERJANJIAN PENYEWAAN MENGIKUT ISO	95 Naskah
2	PERJANJIAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM	28 Naskah
3	PERJANJIAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP	15 Naskah
4	PERJANJIAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT	13 Naskah
5	MEMORANDUM PERSEFAHAMAN	2 Naskah
6	LAIN-LAIN DOKUMEN KONTRAK DAN PERJANJIAN	45 Naskah

Di samping menjalankan tugasan rutin, Jabatan ini juga telah diberi kepercayaan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu untuk menyampaikan taklimat berkaitan hal ehwal pihak berkuasa tempatan dan kefahaman berkaitan undang-undang yang dikuatkuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan, antaranya :


TAJUK

- Penceramah Program Transformasi Minda bil 1/2023 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 1 Mac 2023
- Penceramah Program Transformasi Minda bil 2/2023 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 16 Mei 2023
- Penceramah Program Transformasi Minda bil 3/2023 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 21 Jun 2023
- Penceramah Program Transformasi Minda bil 4/2023 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 11 September 2023
- Penceramah Program Transformasi Minda bil 5/2023 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 23 Oktober 2023

Selain itu, Jabatan ini turut memberi komitmen untuk memberi pengetahuan dan pendedahan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan melalui jemputan sebagai ahli panel dan moderator di luar negeri Terengganu sebagaimana berikut :

TAJUK

- Panel bagi Konvensyen Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia Anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 24 Ogos 2023
- Ahli Panel bagi Persidangan Nasional Undang-Undang Kerajaan Tempatan 2023 Anjuran CLJ Malaysia pada 20 September 2023
- Moderator Seminar Pihak Berkuasa Tempatan: Pengukuhan dan Peningkatan Hasil PBT pada 30 Oktober 2023 anjuran Persatuan Perancang Bandar Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (PETA)



JABATAN LANSKAP

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN LANSKAP

Jabatan Lanskap diberikan tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam usaha meningkatkan kualiti hidup warga Bandaraya Kuala Terengganu untuk melestarikan bandar dalam Taman.

Jabatan Lanskap diketuai oleh seorang Arkitek Lanskap J44 dengan gelaran Pengarah Lanskap dan di bantu oleh seorang Arkiek Lanskap JA36, tiga orang Arkitek Lanskap JA 29, Seorang Penolong Pegawai Pertanian G36, Lima Orang Penolong Pegawai Pertanian G29. Kakitangan Jabatan Lanskap ini sama-sama memikul tanggungjawab bagi memastikan visi dan misi jabatan tercapai :

a. Visi

Menjadi peneraju kepada pembangunan lanskap bagi mencapai persekitaran hidup berkualiti dan mapan

b. Misi

Memastikan pembangunan lanskap yang terancang dan berkualiti yang menyediakan persekitaran yang kondusif.

JABATAN LANSKAP

1. Unit Penyelenggaraan Lanskap dan Pemangkasan pokok Teduhan
2. Unit Pembangunan dan Kelulusan Pelan Serta Hiasan

Objektif Jabatan

- Merancang dan menyelaras kesemua program pembangunan lanskap dan taman awam mengikut Rancangan Malaysia selari dengan prinsip dan garis panduan Jabatan Lanskap Negara.
- Menjaga, menyelenggara dan mempertingkatkan keindahan dan penghijauan persekitaran kawasan pentadbiran MBKT.
- Menambah dan meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan rekreasi dan riadah kepada warga kota.
- Merancang, membina dan menghias pembangunan taman awam bagi kemudahan taman awam bagi kemudahan pengguna.